



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 15 / 2020

SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) BERSEDIA UNTUK PILIHAN RAYA UMUM (PRU)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai sebarang peranan dalam proses membubarkan Parlimen. Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hanya Yang di-Pertuan Agong sahaja yang mempunyai kuasa untuk membubarkan Parlimen. SPR hanya berperanan apabila Parlimen telah dibubarkan. Dalam hal ini, SPR bersedia melaksanakan pilihan raya dalam tempoh 60 hari berdasarkan Perkara 55(4) Perlembagaan Persekutuan sekiranya dibuat sebarang keputusan membubarkan Parlimen ekoran dari perkembangan semasa politik tanah air.
2. Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu, SPR telah diperuntukan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan pilihan raya. Peruntukan ini digunakan bagi memastikan seramai 14,940,624 pengundi diberi kemudahan untuk memilih 222 Ahli Dewan Rakyat dan 505 Ahli Dewan Undangan Negeri. Seramai 259,443 orang petugas telah digerakkan bagi memastikan PRU Ke-14 berjalan lancar. Daripada jumlah tersebut seramai 222 orang Pegawai Pengurus, 29,054 Ketua Tempat Mengundi dan selebihnya dari pelbagai kategori petugas telah dilantik bagi melancarkan proses pengundian. Sebanyak 8,839 pusat mengundi dan 29,054 saluran telah dibuka di seluruh Negara. Selain itu, sebanyak 600,417 buku kertas undi dan 88,113 botol dakwat pilihan raya turut digunakan pada PRU tersebut.

3. Sekiranya berlaku PRU pada kali ini, SPR menganggarkan jumlah perbelanjaan adalah di antara RM750 juta hingga RM800 juta. Pertambahan perbelanjaan ini tidak dapat dielakkan kerana SPR bercadang meneruskan semua penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam 10 pilihan raya kecil yang telah diadakan selepas PRU Ke-14 seperti pertambahan pusat mengundi dan saluran serta penyediaan saluran khas untuk pengundi dari golongan kelainan upaya (OKU). SPR juga akan menyediakan kemudahan kerusi roda serta perkhidmatan *shuttle* untuk kemudahan pengundi warga emas dan OKU. Di samping itu juga, penambahbaikan prasarana pusat mengundi seperti pembinaan laluan bersimen, *ramp* (tanjakan) untuk penggunaan kerusi roda dan lain-lain kemudahan bagi memastikan keselesaan semasa proses pengundian berlangsung.

4. SPR dari semasa ke semasa akan mengeluarkan kenyataan media rasmi untuk sebarang perkembangan terkini dan menyeru kepada orang ramai untuk merujuk terlebih dahulu kepada SPR melalui laman rasmi www.spr.gov.my atau *Facebook* rasmi SPR atau menghubungi talian 03-8892 7200 bagi mengelakkan penularan berita palsu.

Sekian dan terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 28 Februari 2020 / 04 Rejab 1441H